

07 SEP 2001

Mahathir-Ekspo

MAHATHIR LANCAR EKSPLO MSC-MULTIMEDIA ASIA 2001

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Ekspo MSC-Multimedia Asia 2001 yang mempamerkan kemajuan terkini dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Ekspo kali keenam selama tiga hari yang bermula semalam itu diadakan sempena mesyuarat kelima Panel Penasihat Antarabangsa MSC yang sedang berlangsung.

MSC atau Koridor Raya Multimedia merangkumi kawasan seluas 750 km persegi antara ibu negara dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan ICT dan multimedia.

Selepas majlis pembukaan yang ringkas itu, Dr Mahathir meluangkan masa hampir dua jam untuk melawat sebahagian daripada lebih 200 buah astaka pameran membabitkan, antara lain, badan kerajaan, syarikat bertaraf MSC, perniagaan berasaskan Internet, pemaju isian dan pembekal perkhidmatan aplikasi.

Ekspo itu dianjurkan bersama oleh Majlis Teknologi Maklumat Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia.

Acara lain yang diadakan serentak dengan ekspo itu ialah Teknologi Perbankan Asia 2001, Persidangan Dan Pameran CardEx Asia 2001, dan Persidangan Dan Pameran SOLE 2001. SOLE ialah kependekan bagi "Symposium on On-Line Learning."

-- BERNAMA

MAM AHH RYN NMO